

China Hainan Junior International Golf Tournament – Malaysia Leg 2026 Rasmi Berlangsung di Resorts World Awana

Genting Highlands, 12 Ogos 2026 – China Hainan Junior International Golf Tournament – Malaysia Leg 2026 rasmi membuka tirainya hari ini di Resorts World Awana, sekali gus menandakan kembalinya salah satu kejohanan golf junior terkemuka di Asia, di samping memperkukuh hubungan sukan dan kebudayaan yang semakin erat antara Malaysia dan China.

Kejohanan ini dianjurkan bersama oleh Jabatan Pelancongan, Kebudayaan, Radio, Televisyen dan Sukan Wilayah Hainan, Persatuan Golf Hainan serta SportExcel Malaysia, manakala Eagle & Birdies Golf Junket Sdn. Bhd. dilantik sebagai penganjur rasmi. Acara ini akan berlangsung pada 13 hingga 15 Ogos 2026 di Padang Golf Resorts World Awana. Mendapat pengiktirafan daripada Malaysia Golf Association dan China Golf Association, ia turut diiktiraf sebagai acara pengiraan World Amateur Golf Ranking (WAGR) bagi Kategori A (kumpulan umur 16 hingga 18 tahun) dan Kategori B (kumpulan umur 13 hingga 15 tahun), sekali gus memberi peluang kepada pemain golf muda untuk meraih mata ranking antarabangsa.

Pelancaran rasmi kejohanan ini turut diserikan dengan sidang media yang dihadiri oleh Encik Wang Longkui, Penyelia Persatuan Golf Hainan, dan Encik Zhuang Chuxuan, Setiausaha Agung Hainan Golf Association, bersama wakil-wakil daripada SportExcel Malaysia, Hainan Youth Sports Federation, Eagle & Birdies Golf Junket Sdn. Bhd. dan Malaysia Golf Association. Mewakili Resorts World Genting pada sidang media tersebut ialah Encik Spencer Lee, Naib Presiden Eksekutif, Jualan, Pemasaran dan Perhubungan Awam, serta Encik Khew Choon Teck, Ketua Riadah dan Hospitaliti.

Kira-kira 120 pemain golf junior dari Malaysia, China dan negara-negara lain dijangka menyertai China Hainan Junior International Golf Tournament 2026 – Malaysia Leg, yang akan menyaksikan persaingan dalam empat kategori umur bagi peserta lelaki dan perempuan berusia antara enam hingga 18 tahun. Sebagai sebahagian daripada Hainan Junior Golf Tour, Malaysia Leg ini menjadi platform penting bagi pemain golf muda untuk memperoleh pengalaman beraksi di peringkat antarabangsa, dengan juara dan naib juara bagi setiap kategori layak ke Hainan Junior Golf Tour Finals di China.

Ditubuhkan pada tahun 2013, Hainan Junior Golf Tour telah berkembang menjadi salah satu platform pembangunan golf junior terkemuka di China. Diiktiraf oleh China Golf Association dan World Amateur Golf Ranking, jelajah ini menghimpunkan pemain golf muda berbakat dari rantau ini, di samping menggalakkan pembangunan bakat muda, pertandingan di peringkat antarabangsa serta pertukaran kebudayaan menerusi sukan. Sejak berkembang ke peringkat antarabangsa, Malaysia telah menjadi antara destinasi utama jelajah ini, dengan edisi 2026 menandakan penganjuran sulung kejohanan di Padang Golf Resorts World Awana. Kejohanan ini akan berlangsung di padang golf yang baru sahaja melalui proses pengubahsuaian, yang menawarkan pengalaman permainan yang dipertingkatkan dalam suasana tanah tinggi yang indah.

Ketika berucap pada sidang media tersebut, Encik Zhuang Chu Xuan, Setiausaha Agung Hainan Golf Association, berkata, “Kami berbesar hati untuk memulakan kerjasama baharu ini bersama Resorts World Awana, yang mencerminkan komitmen kukuhnya terhadap pembangunan golf junior, khususnya di Malaysia. Kerjasama ini memberikan peluang kepada pemain golf muda untuk beraksi di padang bertaraf dunia serta memperoleh pengalaman bertanding di peringkat antarabangsa. Kami berharap kejohanan ini dapat menjadi platform untuk membimbing dan melahirkan generasi pemain golf berbakat pada masa hadapan yang suatu hari nanti mampu menjadi juara dunia serta mengharumkan nama negara masing-masing di persada antarabangsa.”

Sebagai padang golf kejohanan yang terletak di kawasan tanah tinggi dikelilingi kehijauan hutan hujan, Padang Golf Resorts World Awana menyediakan lokasi yang ideal untuk pertandingan bertaraf antarabangsa, di samping memperkukuh kedudukan Resorts World Genting sebagai destinasi utama bagi pelancongan sukan dan pengalaman golf bertaraf dunia.

Untuk maklumat lanjut, layari rwgenting.com atau ikuti platform media rasmi kami.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

publicrelations@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk menyambut ulang tahun ke-60 Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang

signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.